

ISONIAZID

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- ✚ Merawat penyakit tuberculosis.

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak dengan membunuh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* yang menyebabkan jangkitan.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA MAKAN

- ✚ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- ✚ Ubat ini boleh dimakan selepas makan.
- ✚ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama.



B. JIKA TERLUPA

- ✚ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!



➤ **SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami penyakit buah pinggang, sawan, penyakit hati dan masalah jantung.
- ✚ Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- ✚ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

➤ **SEMASA MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: tindakbalas kulit yang teruk, sawan)
- ✚ Didapati hamil dan memberi susu badan
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



AMARAN !!

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

E. KESAN SAMPING UBAT

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - Kebas, nyeri dan rasa terbakar pada tangan atau kaki
 - Sakit perut
 - Loya atau muntah
 - Ujian fungsi hati yang abnormal

- ✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
 - Rasa letih yang melampau.
 - Air kencing gelap. najis berwarna tanah liat, jaundis
 - Kesukaran untuk bernafas.
 - Muntah, sakit perut dan kejang otot
 - Perubahan penglihatan dan sakit di belakang mata
 - Kekeliruan dan masalah mental
 - Pucat, lebam atau pendarahan (hidung atau gusi berdarah)

Rujukan:

- <https://www.drugs.com/isoniazid.html> (accessed on 3/10/2021)
- Risalah maklumat ubat: Isoniazid Pharmaniaga®

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains
Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
